Malayan Banking Berhad lwn Sri Datai Engineering Sdn Bhd

MAHKAMAH TINGGI (IPOH) — SAMAN PEMULA NO MT2-24- 149 OF 2003
VT SINGHAM H
22 JUNE 2006

Acara Sivil — Saman pemula — Tiada kausa tindakan atau isu substantif — Kegagalan menyatakan kausa tindakan dalam saman pemula — Sama ada saman pemula patut diketepikan — Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 7 k 3(1)

Defendan telah memohon untuk mengetepikan saman pemula plaintif ('saman pemula itu') atas alasan kegagalan mematuhi A 7 k 3(1) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT'). Permohonan defendan telah ditolak oleh Timbalan Pendaftar. Maka, defendan merayu.

Diputuskan, membenarkan rayuan:

(1) Bantahan defendan terhadap saman pemula itu atas alasan plaintif tidak mematuhi A 7 k 3(1) KMT adalah berasas dan diterima (lihat perenggan 2(1)). Apa yang dinyatakan dalam saman pemula itu adalah 'intitulement' untuk menunjukkan di bawah undang-undang mana satu tindakan diambil dan terhadap perkara dalam gadaian tetapi plaintif gagal menunjukkan atau menyatakan apakah kausa tindakan iaitu butir-butir sebenarnya terhadap defendan. Sebenarnya, saman pemula itu tidak merujuk kepada sebarang fakta-fakta atau butir-butir yang khusus atau transaksi atau kejadian yang tertentu untuk mengenalpasti kausa atau kausa-kausa tindakan di mana plaintif menuntut relief melalui prayers (lihat perenggan 2(2)).

(2) Saman pemula itu tidak menyatakan, sama ada plaintif telah memasuki perjanjian atau telah menandatangani sebarang gadaian, tarikhnya, di antara siapa, apakah pertalian atau hubungkait di antara plaintif dan defendan atau apakah transaksi di antara plaintif dan defendan atau sebarang butiran-butiran transaksi, sekiranya terhadap pinjaman, apakah jenis pinjaman dan seterusnya apakah terma-terma perjanjian atau pinjaman atau pembayaran atau apakah kemungkirannya (lihat perenggan 2(3)). Kegagalan saman pemula itu mengandungi butiran ini bukan boleh dikatakan suatu ketidakpatuhan teknikal KMT tetapi perkara itu merujuk kepada akar umbi (root) terhadap suatu saman pemula yang sepatutnya dan harus mengandungi butir-butir ini untuk menunjukkan apakah kausa tindakan plaintif terhadap defendan. Oleh itu, kedua-dua A 1A dan A 2 KMT tidak membantu plaintif. Malah, defendan memang telah diprejudiskan di mana saman pemula itu tidak mematuhi A 7 k 3(1) KMT (lihat perenggan 9).

[Bahasa Malaysia summary

The defendant filed an application to set aside the plaintiff's originating summons (the originating summons) on the ground of non compliance of O 7 r 3(1) Rules of the High Court 1980 (RHC). The defendant's application was dismissed by the Assistant Registrar. The defendant appealed.

Held, appeal allowed:

(1) The defendant's objection to the originating summons was on the ground that the plaintiff did not comply with O 7 r 3(1) RHC was grounded and acceptable (see para 2(1)). What were stated on the originating summons were to show pursuant to which law the said action was taken and it was a matter related to a charge but the plaintiff failed to show or state what the causes of action were ie, the particulars against the defendant. In fact the originating summons did not refer to any specific facts or particulars or transaction or event to identify the cause or causes of action pursuant to which the plaintiff was praying relief (see para 2(2)).

(2) The originating summons did not state, whether the plaintiff had entered into any agreements or had executed any charge, its date, between whom, what the relationship or connection was between the plaintiff and the defendant or what the transaction was between the plaintiff and the defendant or any particulars of the transaction, if it was in relation to a loan, the type of the loan and further what the terms of the agreement were or loan or payment or what the defaults were (see para 2(2)). The failure of the originating summons to contain all these particulars could not be said as technical non-compliance but the matter relates to the root of the originating summons which should and ought to have these particulars to show the plaintiff's cause of action against the defendant. Therefore, both O 1A and O 2 RHC would be of no assistance to the plaintiff. In fact, the defendant was indeed prejudiced by the said originating summons which did not comply with O 7 r 3(1) RHC (see para 9).]

Nota-nota

Untuk kes-kes bagi tiada kausa tindakan atau isu substantif, lihat 2 *Mallal's Digest* (4th Ed, Consolidated Subject Index and Table of Cases) perenggan 4360–4361.

Kes-kes yang dirujuk

Isyoda (M) Sdn Bhd lwn Low Seong Tek (t/a Seong Trading Co) [2000] 6 MLJ 454 (refd)

Lee Eng Eow lwn Mary Lee & Anor [1999] 3 MLJ 481 (refd)

Platinum Heights Sdn Bhd lwn Sun Mix Concrete Sdn Bhd [1997] 1 MLJ 409 (refd)

Punton and Another lwn Ministry of Pensions and National Insurance [1963] 1 WLR 186 (refd)

Regenthill Properties Pte Ltd lwn Management Corporation Strata Title Plan No 2192 [2002] 3 SLR 445 (refd)

Saraswathy Devi a/p Nadchatiram v Vijayalaksmi Devi a/p Nadchatiram [1998] 1 MLJ 89 (refd)

Legislation referred to
Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi A 7 k 3(1), A 1A, A 2

Wong Lu Peen & Tunku Alina for the plaintiff.
Christie Soosay Nathan & Associates for the defendant.

VT Singham J:

[1] Rayuan ini melalui notis rayuan kepada hakim dalam kamar (lampiran 13) oleh defendan adalah terhadap keputusan Timbalan Pendaftar, Mahkamah Tinggi Ipoh yang diberikan pada 16 Oktober 2003 (Lampiran 15) terhadap permohonan, (saman dalam kamar) yang difailkan oleh defendan (Lampiran 6) dimana Timbalan Pendaftar menolak permohonan tersebut (Lampiran 6) dengan kos. Permohonan defendan adalah untuk mengenepikan saman pemula (Lampiran 1) di atas alasan kegagalan mematuhi A 7 k 3(1) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980.

[2] Setelah meneliti A 7 k 3(1) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 dan membaca saman dalam kamar (Lampiran 6) yang disokong oleh afidavit bagi defendan (Lampiran 7) dan afidavit oleh peguam bagi plaintif (Lampiran 8) dan hujahan-hujahan bertulis oleh kedua-dua pihak bersama autoriti-autoriti yang dikemukakan dan autoriti lain, keputusan mahkamah ini adalah seperti berikut:

(1) Mahkamah ini berpendapat di atas fakta dan keadaan kes ini bahawa bantahan terhadap saman pemula (Lampiran 1) oleh defendan di atas alasan plaintif tidak mematuhi A 7 k 3(1) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 adalah berasas dan diterima.

(2) Mahkamah ini berpendapat bahawa apa yang dinyatakan dalam saman pemula (Lampiran 1) adalah 'intitulement', untuk menunjukkan di bawah undang-undang mana satu tindakan diambil dan terhadap perkara dalam gadaian tetapi plaintif gagal menunjukkan atau menyatakan apakah kausa tindakan, iaitu butir-butir sebenarnya terhadap defendan. Sebenarnya, saman pemula tersebut tidak merujuk kepada sebarang fakta-fakta atau butir-butir yang khusus atau transaksi atau kejadian yang tertentu untuk mengenalpasti kausa atau kausa-kausa tindakan dimana plaintif menuntut relief melalui prayers.

(3) Saman pemula tidak menyatakan, sama ada plaintif telah memasuki perjanjian atau telah menandatangani sebarang gadaian, tarikhnya di antara siapa, apakah pertalian atau hubungkait di antara plaintif dan defendan atau apakah transaksi di antara plaintif dan defendan atau sebarang butiran-butiran transaksi, sekiranya terhadap pinjaman, apakah jenis pinjaman dan, seterusnya apakah terma-terma perjanjian atau pinjaman atau pembayaran atau apakah kemungkirannya.

[3] Mahkamah ini juga berpendapat bahawa plaintif langsung tidak menyatakan sebarang kemungkiran yang dilakukan oleh defendan sebagai asas tindakan plaintif terhadap defendan dan bilakah tarikhnya. Pendek kata, tidak ada sebarang fakta-fakta yang timbul asasnya untuk plaintif membawa tindakan ini melalui saman pemula

terhadap defendan. Apa yang mahkamah ini dapati daripada saman pemula tersebut adalah plaintif memohon perintah atau pun saman pemula mengandungi 'prayers' untuk dapat perintah dari mahkamah tanpa sebarang fakta atau asasnya atau kausa tindakan untuk mahkamah ini menimbang 'prayers' tersebut.

[4] Mahkamah ini juga mendapati saman pemula tidak menyatakan sebarang butir-butir atau fakta-fakta yang boleh menunjukkan kepada defendan terhadap tanggungjawab atau liabiliti beliau kepada plaintif yang ada hubungkait terhadap 'prayers' yang dipohon supaya dan sekiranya defendan ingin mempertikaikan tuntutan plaintif, beliau boleh berbuat demikian.

[5] Mahkamah ini berpendapat bahawa apabila saman pemula diteliti atau dilihat pada kali pertama (at first blush) ataupun secara 'closer scrutinity', defendan memang tidak mendapat tahu tanggunjawabnya atau liabiliti atas sebarang kemungkiran terhadap gadaian yang dicatit di muka surat satu saman pemula melainkan plaintif membuat andaian bahawa defendan mungkin tahu apakah kausa tindakan terhadap defendan. Rujuk kes *Isyoda (M) Sdn Bhd lwn Low Seong Tek (t/a Seong Trading Co* [2000] 6 MLJ 454 dimana Yang Arif Abdul Aziz H. (sekarang Hakim Mahkamah Rayuan) berkata di ms 459 - 460:

> The remaining ground on which the defendant bases his application is that the originating summons does not include 'sufficient particulars to identify the cause or causes of action in respect of which the plaintiff claims' the relief of an injunction, which O 7 r 3(1) of the RHC says every originating 'must include'.
>
> In *Saraswathy Devi a/p Nadchatiram v Vijayalakshmi Devi a/p Nadchatiram* [1998] 1 MLJ 89, the plaintiff (the respondent in the appeal) had by originating summons, applied for an order to enjoin the defendant, Saraswathy Devi, an advocate and solicitor, from acting for certain persons in certain proceedings but the originating summons did not show why the defendant should not act for those persons in those proceedings, although the affidavit in support of the originating summons did. The Court of Appeal nevertheless ruled at p 952 that because of the said omission in the originating summons no cause of action was shown in it and that on that ground alone the originating summons ought to have been dismissed by the judge below.
>
> It is clear from the ruling that an originating summons that does not comply with O 7 r 3(1) of the RHC because it does not include sufficient particulars to identify the cause of action must be dismissed. It is also clear that where an injunction is sought by originating summons to restrain a certain act but the originating summons does not show why the act should be restrained, even though the affidavit in support does, then the originating summons has not included sufficient particulars to identify the cause of action in respect of which the plaintiff claims the relief of the injunction.
>
> In the present case, the originating summons does not contain sufficient particulars to identify the cause of action because it does not state why the defendant should be restrained from applying for a winding-up of the plaintiff company. Applying the ruling of the Court of Appeal, by which I am bound, I have to dismiss the originating summons.
>
> Learned counsel for the plaintiff's submits that the cause of action ought to be presumed as a matter of law, that is to say, that when an application is made to restrain the bringing of winding-up proceedings based on a demand under s 218(2)(a) of the Act, it must be on the ground of abuse of process of court because the debt is bona fide disputed. I do not think

A that such a presumption is justified. There could be some other ground. In any case, O 7 r 3(1) of the RHC must be construed as requiring particulars identifying the cause of action to be expressly included.

I have been most reluctant to uphold this ground and dismiss or strike out the originating summons on this ground because although the originating summons lacks particulars to B identify the cause of action, the cause of action is easily identifiable from the affidavit in support of the application. But there is the requirement of O 7 r 3(1) of the RHC and the strict ruling in Saraswathy Devi which applies to the circumstance of the originating summons in this case, and I am bound by the ruling and the defendant is entitled to expect me to act according to the ruling. For that reason I have to dismiss the originating summons, which I do with costs.

C

[6] Mahkamah ini juga mendapati bahawa saman pemula tidak menyatakan apakah kapasiti plaintif membawa tindakan ini terhadap defendan ataupun kapasiti defendan terhadap tindakan yang difailkan terhadap defendan.

D **[7]** Walau bagaimanapun dan sekiranya ada disebut di saman pemula bahawa saman pemula tersebut disokong oleh afidavit plaintif, maka bolehlah dikatakan (argueably) defendan mungkin dapat tahu apakah kausa tindakan melalui afidavit tetapi dalam kes ini, saman pemula tidak menyatakan langsung ianya disokong oleh affidavit. Malangnya saman pemula tidak menyatakan sebarang butir-butir untuk E mengenalpasti kausa tindakan terhadap 'prayers' yang dipohon. Di sini mahkamah ini ingin menyatakan dan sedar bahawa saman pemula bukan pliding tetapi untuk mengenepikan atau membatalkan saman tersebut, Kaedah-Kaedah dipakai seolah-olah saman pemula itu adalah pliding dan perlu mengandungi butir-butir yang mencukupi.

F **[8]** Mahkamah ini berpendapat bahawa sekurang-kurangnya, plaintif sepatutnya dan seharusnya menyatakan di saman pemula apakah asas kausa tindakan ini terhadap defendan, apakah kemungkiran defendan yang menyebabkan plaintif memfailkan saman pemula ini dan bukannya membuat andaian bahawa defendan harus dapat mengetahui apakah asas kausa tindakan daripada 'prayers' yang dipohon G oleh plaintif. Di sini mahkamah ingin menyatakan bahawa plaintif tidak perlu menyatakan keterangan dalam saman pemula tetapi sekurang-kurangnya butir-butir asas tindakan harus disebut.

[9] Mahkamah ini juga telah meneliti A 1A dan A 2 Kaedah-Kaedah Mahkamah H Tinggi 1980 dimana dan sekiranya terdapat sebarang ketidakaturan (irregularity), ianya tidak semestinya mencacatkan saman pemula, tetapi mahkamah ini berpendapat kegagalan saman pemula mengandungi butiran seperti yang disebut di atas bukan boleh dikatakan suatu ketidakpatuhan teknikal kaedah-kaedah tetapi perkara itu merujuk kepada akar umbi (root) terhadap suatu saman pemula yang I sepatutnya dan harus mengandungi butir-butir seperti yang disebut di atas untuk menunjukkan apakah kausa tindakan plaintif terhadap defendan. Oleh itu, kedua-dua kaedah tersebut iaitu A 1A dan A 2 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 tidak membantu plaintif dan mahkamah ini berpendapat defendan memang telah diprejudiskan dimana saman pemula tidak mematuhi A 7 k 3(1) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980.

[10] Mahkamah ini juga berpendapat kes-kes yang dirujuk untuk menyokong hujahan peguam plaintif boleh dibezakan di atas fakta dan keadaan kes apabila dibandingkan dengan aduan dalam kes di hadapan mahkamah ini. Seterusnya, kes yang dirujuk oleh peguam plaintif diantara kes-kes yang lain iaitu *Vijayalakshmi Devi a/p Nadchatiram v Saraswathy Devi a/p Nadchatiram* [1998] 1 MLJ 89 tidak dipakai di atas fakta-fakta kes di hadapan mahkamah ini dimana boleh dibezakan di atas fakta kes tersebut dan Mahkamah Persekutuan tidak mengenepikan atau tidak sentuh atau membuat keputusan yang sebaliknya terhadap keputusan Mahkamah Rayuan mengenai isu A 7 k 3(1) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 dan keputusan Mahkamah Rayuan diikuti oleh mahkamah ini. Rujuk kes (i) *Saraswathy Devi a/p Nadchatiram lwn Vijayalakshmi Devi a/p Nadchatiram* [1998] 1 MLJ 89 di ms 95–96, (ii) *Lee Eng Eow lwn Mary Lee & Anor* [1999] 3 CLJ 143 di ms 149, (iii) *Platinum Heights Sdn Bhd lwn Sun Mix Concrete Sdn Bhd* [1997] 1 MLJ 409 di ms 417, (iv) *Regenthill Properties Pte Ltd lwn Management Corporation Strata Title Plan No2192* [2002] 3 SLR 445 di ms 450 dan (v) *Punton and Another lwn Ministry of Pensions And National Insurance* [1963] 1 WLR 186 di ms 192–193. Dalam kes *Punton and Another lwn. Ministry of Pensions And National Insurance* [1963] 1 WLR 186 di ms 192–193. Upjohn LJ berkata:

> But as normally there are no pleadings in proceedings by originating summons, it is, of course, essential that the summons should be so framed as to raise quite clearly the points at issue. The summons must be framed to make it clear that the plaintiff is challenging the validity of the decision of an inferior tribunal. It must be made clear upon what grounds he does so, and where he is relying on the construction of some Act or statutory instrument, it must point out with the necessary particularity the sections which are relevant and the questions of construction that arise. In this case that was not done. The summons as originally framed bore no reference whatever to the determination of the commissioner, and except that s 13 of the National Insurance Act, 1946, was mentioned in the heading, no point of construction even appeared.

[11] Oleh yang demikian dan diatas fakta dan keadaan kes ini, mahkamah ini berpendapat keputusan Timbalan Pendaftar tidak dapat dikekalkan. Rayuan oleh defendan terhadap keputusan Timbalan Pendaftar yang diberikan pada 16 Oktober 2003 dibenarkan dan seterusnya saman dalam kamar (lampiran 6) dibenarkan dan mengikutnya saman pemula (Lampiran 1) diketepikan seperti dipohon.

Rayuan defendan dibenarkan.

Reported by Loo Lai Mee